

34/KLIA/2025



### **AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)**

#### **AKPS PATAHKAN CUBAAN SELUDUP LEBIH 2,500 EKOR KURA-KURA DI KLIA**

**SEPANG, 7 Ogos 2025** – Cubaan seorang lelaki warganegara India untuk menyeludup keluar lebih 2,500 ekor kura-kura yang anggaran nilainya RM348,000.00 ke negaranya berjaya digagalkan oleh sepasukan penguat kuasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 (KLIA1) dalam satu operasi di sini, malam kelmarin.

Suspek yang dijadualkan menaiki penerbangan ke Bengaluru, India, ditahan pada jam 10.05 malam di Pintu Perlepasan. Bertindak atas maklumat, sepasukan pegawai penguatkuasa Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) KLIA dan anggota Keselamatan Penerbangan (AVSEC) telah melakukan imbasan ke atas beg suspek yang menunjukkan imej mencurigakan.

Pemeriksaan lanjut menemui ribuan kura-kura spesies *Red-eared Slider* yang disembunyikan di dalam bagasi tersebut. Kesemua hidupan liar itu telah disita untuk siasatan lanjut. Kes seterusnya disiasat di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dan Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686].

Kejayaan ini adalah hasil pemeriksaan bersepadu dan kerjasama erat antara AKPS KLIA, PERHILITAN, AVSEC dan Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) dalam mengekang aktiviti penyeludupan hidupan liar yang semakin berleluasa.

AKPS akan terus mempertingkatkan kawalan di sempadan negara bagi mengekang aktiviti penyeludupan yang menjejaskan biodiversiti negara.

Gambar berkaitan:

[https://drive.google.com/drive/folders/1QusvWXLBSE\\_XLMgxErN4ykv9uR94zVK?usp=drive\\_link](https://drive.google.com/drive/folders/1QusvWXLBSE_XLMgxErN4ykv9uR94zVK?usp=drive_link)

**TAMAT**

**7 OGOS 2025**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

**AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)**

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**